

INFANT SUSPENSION UPHAMOL 120 (ORANGE)

Paracetamol (120 mg / 5 ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Infant Suspension Uphamol
2. Bagaimana Infant Suspension Uphamol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Infant Suspension Uphamol
4. Cara menggunakan Infant Suspension Uphamol
5. Semasa menggunakan Infant Suspension Uphamol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Infant Suspension Uphamol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Infant Suspension Uphamol

Infant Suspension Uphamol digunakan untuk melegakan demam ringan, pertumbuhan gigi yang tidak selesa, simptom selsema dan sakit gigi.

Bagaimana Infant Suspension Uphamol berfungsi

Infant Suspension Uphamol mengandungi paracetamol sebagai bahan aktif. Paracetamol melegakan kesakitan dan mengurangkan suhu tinggi atau demam.

Sebelum menggunakan Infant Suspension Uphamol

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anak anda alah terhadap

- paracetamol
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, seperti kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Tanda-tanda tersebut mungkin menunjukkan keadaan yang serius. Jika tindak balas sedemikian berlaku, hentikan pengambilan dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Jangan menggunakan Infant Suspension Uphamol jika anak anda mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat koyakan atau tanda diusik pada pembungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anak anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Infant Suspension Uphamol

Beritahu doktor anda jika anak anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan pengawet atau pewarna

Beritahu doktor jika anak anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan termasuklah:

- Penyakit hati
- Penyakit buah pinggang

Jika simptom-simptom berlarutan, sila dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anak anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Infant Suspension Uphamol boleh bertindak balas antara satu sama lain, seperti yang berikut:

- Ubat tahan sakit jenis opioid

- Alkohol
- Ubat cair darah
- Chloramphenicol (sejenis antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan bakteria tertentu)

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Infant Suspension Uphamol.

Cara menggunakan Infant Suspension Uphamol

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Bayi bawah 3 bulan:

Ambil ubat seperti yang dinasihatkan oleh doktor.

Kanak-kanak umur 3 bulan hingga 1 tahun:

Ambil $\frac{1}{2}$ hingga 1 sudu teh, 3 hingga 4 kali sehari.

Kanak-kanak umur 1 hingga 5 tahun:

Ambil 1 hingga 2 sudu teh, 3 hingga 4 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ambil Infant Suspension Uphamol seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat ini melebihi 4 kali sehari dan jangan melebihi sukat yang dicadangkan kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Infant Suspension Uphamol secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anak anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Infant Suspension Uphamol, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Tanda-tanda dan gejala-gejala terlebih dos termasuk:

- Muntah, loya ringan, gangguan gastrousus
- Tekanan darah rendah
- Anoreksia (hilang atau tiada selera makan)
- Cirit-birit

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anak anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Semasa menggunakan Infant Suspension Uphamol

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anak anda bahawa anak anda sedang mengambil Infant Suspension Uphamol.

Jika anak anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anak anda sedang mengambil Infant Suspension Uphamol.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Infant Suspension Uphamol untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Produk ini mengandungi Paracetamol. Jangan mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Apabila diambil dalam dos yang disyorkan, kesan sampingan daripada Infant Suspension Uphamol adalah jarang berlaku. Reaksi hipersensitif kulit seperti ruam, bengkak atau lain-lain alahan kulit yang serius telah dilaporkan sekali-sekala.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anak anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Infant Suspension Uphamol

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat yang kering dan suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Infant Suspension Uphamol atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anak anda berhenti mengambil Infant Suspension Uphamol atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Suspensi berwarna oren, berperisa oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap 5ml suspensi mengandungi 120mg paracetamol.

- Bahan tidak aktif

- FD & C Yellow No. 6
- Sorbitol solution
- Sugar
- Orange Essence
- Glycerine
- Potassium sorbate
- Simethicone
- Xanthan gum
- Trisodium citrate
- Disodium edetate
- Saccharin sodium

- Nombor MAL

MAL20014021XZ

Pengilang

UPHA Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)

Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

UPHA Pharmaceutical Mfg (M) Sdn Bhd (53667-M)

Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13, Bangi Industrial Estate, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Tarikh kemaskini RiMUP
29/5/2017

Nombor Siri:
BPFK (R4/1)260517/00119